

Headline	Siti Syuhaila pilih jadi usahawan tani		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Varsiti	Circulation	82,252
Page No	V1,V10	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	514 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nas Norziela Nasbah	AdValue	RM 17,020
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,060



**Usahawan Muda**  
Siti Syuhaila pilih jadi  
usahawan tani *Muka 10*

Headline	Siti Syuhaila pilih jadi usahawan tani		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Varsiti	Circulation	82,252
Page No	V1,V10	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	514 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nas Norziela Nasbah	AdValue	RM 17,020
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,060

# Siti Syuhaila pilih jadi usahawan tani

Pada mulanya kurang mendapat sokongan

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

**Bangi:** Bermula dengan hanya menjalankan perniagaan *dropship* makanan sewaktu melanjutkan pengajian diploma mendorong Siti Syuhaila Mohd Sharif, 22, menceburi bidang itu dang itu secara bersungguh-sungguh sehingga bergelar usahawan pada usia muda.

Namun, aktiviti yang dijalankannya berbeza dengan perniagaan asalnya daripada makanan ke tanaman rock melon.

Bekas pelajar lepasan Diploma Perniagaan Agro Kolej Professional MARA Beranang yang kini sedang mengikuti Program Inkubasi Usahawan Tani Universiti Putra Malaysia (UPM) selama lima bulan, membuah hasil apabila tanaman rock melon mendapat sambutan menggalakkan.

"Saya mula berniaga menjadi *dropship* makanan dengan mengambil tempahan sehari sebelum juadah disiapkan. Apabila saya mula menjalani latihan industri di Sudin Sheila Figs Garden dan Ruqaiyah Enterprise, saya didedahkan dengan ekspso dan jualan pasar tani.

"Daripada situlah mula terbit



**Siti Syuhaila (dua dari kanan)** bersama-sama rakan ketika menjalani latihan industri yang banyak mengajarnya mengenai bidang pertanian.

rasa ingin berjinak dalam bidang perniagaan tani dan saya banyak pelajari ilmu strategi pemasaran daripada pemilik dua syarikat itu," katanya.

Selepas tamat latihan industri, Siti Syuhaila tidak menunggu lama untuk menjadi usahawan tani walaupun pada awal pembabitannya kurang mendapat sokongan daripada keluarga.

"Saya akui antara cabaran terbesar adalah mendapatkan restu dan sokongan keluarga. Ini kerana tidak seorang pun daripada ahli keluarga saya pernah terlibat dalam bidang perniagaan apatah lagi membabitkan pertanian.

"Agak sukar pada mulanya untuk mereka lepaskan saya menceburi bidang ini, tetapi selepas berbincang dan terangkan kepada

mereka hala tuju saya selepas ini, mereka bersetuju dan kini sentiasa memberi sokongan padu.

"Saya juga menghadapi masalah tiada kenderaan sehingga terpaksa meminta bantuan rakan-rakan menghantar stok pokok (selain rock melon) kepada pelanggan," kata pemilik Instagram shaha\_agro itu.

Ditanya apakah yang mendorongnya untuk memilih perniagaan ini, Siti Syuhaila berkata, keluarganya menjadi kekuatan dan sebab utama dia menceburi bidang perniagaan berasaskan pertanian.

"Saya memilih perniagaan kerana sejak di bangku sekolah lagi saya sudah bekerja sendiri demi membantu keluarga. Saya nampak perbezaan antara bekerja dan berniaga. Pada masa



**Siti Syuhaila mendapat sokongan padu keluarga.**

sama, saya ingin menjadi inspirasi kepada anak muda.

"Dalam Islam ada mengatakan sembilan daripada 10 punca pencarian rezeki adalah dengan berniaga. Jadi peluang perniagaan ini amat luas," katanya.

Anak jati Johor Bharu itu juga memberitahu, perniagaannya tidak membabitkan pekerja tetap cuma rakan kongsi daripada Ruqaiyah Enterprise bagi membantu daripada segi mendapatkan stok pokok dan penghantaran.